

19/09/2002

Kongres iktiraf pengaruh Kuala Lumpur

WASHINGTON, Rabu - Dua ahli Kongres Amerika Syarikat menganggap Malaysia mempunyai pengaruh besar dalam isu antarabangsa, bukan saja kepada negara ini tetapi di negara di rantau Asia dan Eropah.

Peter Sessions dan Gregory Meeks, yang baru-baru ini menubuhkan Kumpulan Perundingan Kerjasama Perdagangan dan Ekonomi Malaysia-Amerika berpendapat, pendirian Malaysia yang sentiasa berpegang kepada prinsip kebenaran, menyebabkannya dihormati Amerika.

Mereka memberitahu demikian selepas menemui Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Capitol Hill, di sini hari ini. Timbalan Perdana Menteri sebelum itu menemui ketua majoriti, Dick Armey dan `whip' majoriti, Tom DeLay.

Sessions dan Meeks bekerjasama dengan rakan mereka dalam Kongres untuk memperkenalkan Malaysia kepada anggota lain serta membantu jika timbul masalah dua-hala di kongres.

Sessions, anggota Republikan, berkata prinsip yang dipegang kepimpinan Malaysia amat diperlukan dalam hubungan dua hala dengan Amerika, kerana hanya melalui prinsip itu ia dapat menyelesaikan segala perbezaan pandangan kedua-dua negara.

"Hari ini kita mendapati Timbalan Perdana Menteri mewakili keyakinan rakyat Malaysia. Perkara ini yang saya katakan kepada beliau terutama selepas beliau yang akan menggantikan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Malaysia mempunyai pengaruh berkuasa, bukan saja kepada Amerika tetapi kepada semua negara terutama di rantau Asia dan Eropah," katanya.

Meeks, anggota Demokrat pula berkata, walaupun Malaysia mempunyai pendekatan dan pandangan berbeza dengan Amerika dalam beberapa isu, kesediaan kedua-dua negara bertemu dan berbincang dapat meningkatkan hubungan baik.

"Berasaskan prinsip kebenaran dan bukan paksaan ini, Malaysia dan Amerika dapat duduk bersama untuk membincang perbezaan pandangan kita. Hanya melalui cara ini, kita dapat menyelesaikan sebarang masalah. Ini adalah persahabatan yang baik," katanya.

Mengenai masalah pengeluaran visa kepada rakyat Malaysia terutama pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke negara ini, Meeks berkata, selepas serangan 11 September tahun lalu, Amerika menyedari mereka juga adalah lemah terutama dalam perkara berkaitan dengan keselamatan.

Sambil menjelaskan Amerika masih dibelenggu dengan peristiwa hitam itu, beliau meminta Malaysia dan negara lain supaya memberi mereka masa kepada Washington untuk `membuka' semula pintu Amerika kepada dunia terutama dalam aspek pendidikan.